

07 APR 1996

Muhammad - Usahawan

USAHAWAN MELAYU PERLU BERKEMBANG KE LUAR NEGARA

SHAH ALAM, 7 April (Bernama) -- Lebih ramai usahawan Melayu harus dengan pantas merebut peluang daripada perkembangan ekonomi untuk berkembang di dalam dan luar negara.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib berkata Malaysia perlu mempunyai golongan usahawan Melayu perintis yang berani ke luar negara untuk bergiat dalam pelbagai bidang ke arah menyokong usaha Malaysia mencapai tahap negara maju pada tahun 2020.

"Setakat ini, memang telah ada usahawan Melayu Malaysia bergiat aktif di Afrika Selatan, Eropah, Vietnam, China dan Australia tetapi kerajaan percaya lebih ramai boleh mengembangkan sayap mereka," katanya pada Malam Anugerah Usahawan Melayu Selangor anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Selangor di sini malam ini.

Contohnya, Emkay Holdings Sdn Bhd telah berjaya membina ribuan rumah di Namibia dan sudah ada anak Melayu yang memiliki dan mengusahakan hotel di London.

Beliau berkata ilham Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan asas 2020 untuk Malaysia menjadi negara maju telahpun dianggap oleh banyak negara lain di dunia sebagai telah berjaya.

Muhammad berkata dalam pada banyak negara lain mencuba untuk mengubah sistem ekonomi tetapi tidak berjaya, Malaysia telah meletakkan asas yang kukuh yang hanya perlu diperkuatkan lagi dengan penglibatan lebih besar usahawan Melayu.

Pada majlis malam ini, Muhammad menyampaikan Anugerah Menteri Besar kepada Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad Datuk Abdul Khalid Ibrahim, Anugerah yang Dipertua DPMMS kepada Pengerusi Eksekutif MKN Holdings Sdn Bhd Datuk Haji Mustapha Kamal Abu Bakar, Anugerah Tokoh Korporat kepada Pengerusi Eksekutif Glomac Sdn Bhd Datuk F.D Mansor, Anugerah Usahawan Harapan kepada Pengarah Urusan Pantai Bharu Holdings Sdn Bhd Datuk Haji Shamshudin Haji Nor.

Anugerah Usahawan Profesional dimenangi oleh Dr Haji Mohmmad Noor Hashim Pengerusi Eksekutif Kemas Runding Sdn Bhd, Anugerah Industri Berasaskan Sumber dimenangi Datuk Nor Azah Awin, Pengerusi Eksekutif Tenaga Teguh Manufacturing Sdn Bhd, Anugerah Industri Perkhidmatan kepada Datuk Halim Mohammad, Pengarah Halim Mazmin Group Berhad, Anugerah Industri Berteknologi Encik Hamidon Abdullah, Pengarah Urusan EP Polymers Malaysia Sdn Bhd, Anugerah Kontraktor kepada Haji Abdul Aziz Haji Bakri, Pengarah Eksekutif Lankhorst Pancabumi Contractors Sdn Bhd.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Perpaduan Negara Datin Paduka Zaleha Ismail merupakan antara lebih 1,000 hadirin pada majlis ini. -- BERNAMA

MNY CR